

# UMSutamakan keselesaan pelajar di kolej kediaman

UR 6.3.2014 B4

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa komited untuk mengutamakan keselesaan pelajar di kolej kediaman di Kota Kinabalu dan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata, pihaknya akan memastikan kolej kediaman pelajar berada dalam keadaan selesa dari segi keselamatan, kebersihan dan keceriaan.

Katanya, UMS juga akan berusaha menaikkan kemudahan di kolej kediaman selain pembangunan sahsiah dan prasarana.

Beliau berkata, UMS akan terus menjaga kebajikan pelajar termasuk mengambil pendekatan lebih proaktif di



**KASIM (empat kanan) menyerahkan watikah pelantikan sebagai Pengetua Kolej Kediaman Beta kepada Nona Masnie diperhatikan Ismail (tiga kanan) dan Sarwar (dua kiri).**

kolej kediaman yang menjadi rumah kedua bagi pelajar untuk tempoh tiga hingga empat tahun.

“Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS akan terus berusaha memastikan kolej kediaman

pelajar berada dalam keadaan selesa, bersih dan ceria,” katanya.

Kasim berkata demikian pada Majlis Serah dan Terima Tugas Pengetua Kolej Kediaman UMSKAL di Bilik

Seri Menanti, kelmarin.

Pada majlis itu, mantan Pengetua Samsul Bahri menyerahkan tugas kepada Pengetua Kolej Kediaman Alpha Sarwar E-Alam dan Pengetua Kolej Kediaman Beta dan Mutiara Nona Masnie Mohd Nistah yang baru diwujudkan tahun ini.

Sarwar akan menjaga kebajikan pelajar lelaki manakala pelajar perempuan dijaga Nona Masnie bagi tempoh setahun akan datang.

Turut hadir Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali, Timbalannya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Timbalan Pendaftar Zamri Mohamad Tuah dan Ketua Bahagian HEPA UMSKAL Sharifah Ismail.

Sehubungan itu, Kasim berharap dengan transformasi pelantikan kedua-dua pengetua itu akan menambahkan kecekapan dan kecekapan di

tiga kolej kediaman pelajar UMSKAL.

Pada masa sama, beliau meminta pelajar yang menjadi penghuni kolej kediaman menganggap asrama mereka itu sebagai rumah kedua yang perlu dijaga dari segi kebersihan, keceriaan dan keselamatan.

“Saya meminta pelajar mengutamakan perpaduan dan persefahaman kerana kolej kediaman didiami pelajar dari pelbagai agama dan bangsa,” katanya.

Kasim meminta pengetua, felo dan pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar supaya sentiasa memantau dan memberi bimbingan terhadap aktiviti pelajar pada sepanjang tahun.

Pada majlis itu, beliau mengingatkan pelajar supaya sentiasa menjaga kebersihan dan keceriaan persekitaran kolej kediaman termasuk tidak membuang sampah merata-rata tempat.

“Pelajar dan pengetua bertanggungjawab menjaga kolej kediaman dengan mengadakan gotong-royong bagi memastikan asrama mereka sentiasa ceria, bersih dan selamat,” katanya.

Kasim juga berkata, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Tun Zaki Tun Azmi, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Dr Ismail Ali sentiasa komited menjaga kebajikan pelajar di kolej kediaman Alpha, Beta dan Mutiara di Sungai Bedaun.



**SAMSUL (kanan) menyerahkan dokumen Pengetua Kolej Kediaman Alpha kepada Sarwar dan Nona Masnie (kiri) diperhatikan Kasim (empat kiri) dan Ismail (empat kanan).**